

8 JAN 1996

BN - Jawatan

ISU PENGGILIRAN KETUA MENTERI: BN SABAH BELUM BUAT KEPUTUSAN

KOTA KINABALU, 8 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah hari ini membincangkan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah tetapi tidak ada sebarang keputusan dicapai mengenai perkara itu.

Pemangku Pengerusi BN Sabah Datuk Yong Teck Lee yang mempengerusikan mesyuarat berkenaan berkata semua lapan anggota komponen BN telah menyatakan pandangan masing-masing.

"Kita merasakan bahawa pada peringkat ini kita tidak perlu membuat keputusan yang jitu berhubung perkara ini. Apa yang penting anggota komponen BN telah mengemukakan pandangan masing-masing," katanya kepada pemberita di sini selepas mesyuarat berkenaan.

Mengenai bila keputusan itu akan dibuat, Yong yang juga Pemangku Ketua Menteri berkata: "Itu kena tunggulah."

Mengenai sama ada terdapat pandangan yang berbeza di kalangan anggota komponen BN berhubung perkara itu dalam mesyuarat hari ini beliau berkata kesemua parti mempunyai pandangan masing-masing manakala suasana mesyuarat pula adalah baik.

Cadangan menggilir-gilirkan jawatan Ketua Menteri setiap dua tahun antara tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina, diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum pilihan raya negeri pada Februari tahun lepas.

Dr Mahathir telah menyatakan bahawa cadangan berkenaan akan tetap dilaksanakan kerana ia janji BN kepada rakyat negeri ini, kecuali jika semua anggota komponen BN di negeri ini sebulat suara bersetuju untuk tidak meneruskan cadangan berkenaan.

Ketika ditanya mengenai sama ada terdapat parti komponen yang membantah cadangan itu, Yong berkata mesyuarat hari ini tidak memutuskan siapa yang menyokong atau sebaliknya tetapi hanya untuk mendapatkan pandangan di kalangan mereka.

"Kita tidak buat pengundian," kata beliau.

Yong yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) ketika ditanya mengenai pandangan parti berkenaan berkata: "Saya hanya bercakap bagi pihak BN negeri dan bukan bagi pihak mana-mana parti."

Katanya, sebelum menjadi Pemangku Pengerusi BN Sabah beliau memang berpendapat parti-parti komponen BN di negeri ini wajar duduk semeja bagi membincangkan perkara itu. "Apabila saya memangku tugas ini, saya memanggil mereka untuk bermesyuarat," tambahnya.

Dr Mahathir pada akhir lawatannya ke Sabah November lepas berkata pemimpin daripada SAPP akan dilantik memegang jawatan itu selepas tempoh Ketua Menteri sekarang Datuk Salleh Said Keruak dari Umno yang mewakili Bumiputera Islam, tamat pada 17 Mac.

Sementara itu Setiausaha BN negeri Datuk Karim Bujang berkata BN negeri akan mengadakan satu lagi mesyuarat sebelum 17 Mac untuk mencapai keputusan muktamad.

Bagaimanapun, beliau berkata tarikh mesyuarat berkenaan belum ditentukan.

"Kita beri peluang kepada anggota komponen untuk kembali kepada majlis tertinggi masing-masing bagi mendapatkan pandangan sebelum menghadiri mesyuarat berkenaan," katanya.

Mesyuarat hampir dua jam hari ini dihadiri pemimpin daripada lapan anggota komponen BN -- Umno, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Liberal Demokratik (LDP),

Gerakan, Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu) dan MCA. --
BERNAMA